



SIARAN MEDIA
MAJLIS PERASMIAN KOMUNITI HAB FLAT TAMAN DAGANG,
AMPANG

AMPANG, 14 Disember 2019 – YB Zuraida Binti Kamaruddin, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menyempurnakan Majlis Perasmian Komuniti Hab di Flat Taman Dagang Fasa 2A, Ampang.

Majlis Perasmian Komuniti Hab ini dihadiri oleh lebih 200 orang penduduk Flat Taman Dagang yang pelbagai bangsa dan umur, komuniti berjiran di Ampang serta agensi agensi kerajaan yang berkaitan. Inisiatif projek Komuniti Hab adalah usaha untuk memperkasa komuniti tempatan agar lebih sejahtera, inklusif dan berkualiti selaras dengan Dasar Komuniti Negara dan Agenda Mampan 2030.

Program Komuniti Hab ini memberi penekanan khusus bagi komuniti B40 yang tinggal di kawasan bandar. Ia bertujuan untuk menjadi ruang tumpuan yang dapat menghubungkan komuniti yang tinggal di kejiranan yang sama. Komuniti Hab ini juga adalah ruang fleksible dan akan berfungsi mengikut keperluan komuniti setempat dan kemudahan yang disediakan telah disesuaikan dengan kepentingan khusus yang di pertengahan oleh komuniti di Flat Taman Dagang. Antara kemudahan yang menjadi permintaan komuniti adalah ruang untuk membaca, mengaji dan ruang bagi menjalankan pelbagai aktiviti komuniti.

Komuniti Hab Flat Taman Dagang ini di lengkapi dengan ruang bacaan dan perpustakaan mini dan dibina dengan mengguna semula 'container' yang diubahsuai untuk menjadi ruang pelbagai guna untuk komuniti. Ia juga merupakan sebuah hab pintar yang mempunyai beberapa elemen yang akan mengurangkan kos operasi hab ini kelak. Antara elemen khas yang telah diperkenalkan di hab ini adalah :-

1. Solar PV yang akan menghasilkan tenaga bersih dan efisien pada siang hari;

2. Sistem Pengumpulan Air Hujan (SPA) yang akan menuai air hujan untuk digunakan untuk kerja-kerja pembersihan dan menyiram pokok dan tanaman;
3. 'Kebun Kita' iaitu ruang *urban farming* (pertanian bandar) yang menguna teknik penanaman Permaculture bagi membantu dalam menyediakan bekalan makanan yang sihat; dan
4. Aktiviti pengasingan sisa dan penyediaan kompos dari sisa makanan untuk pembajaan yang alami atau organik untuk tanaman Kebun Kita.

Selain itu, Komuniti Hab ini telah mengadakan pelbagai inisiatif untuk mengalakan penyertaan komuniti semasa pembinaan dan penyediaan hab ini. Laman Seni atau 'Art Plaza' adalah hasil lukisan bersama dengan penduduk dari golongan kanak-kanak dan belia yang telah mentransformasikan laman lama menjadi ruang yang menarik dan aktif serta sebagai usaha melahirkan komuniti yang kreatif dan inovatif. Sementara Kebun Kita pula adalah hasil bersama dengan penduduk yang telah menentukan jenis tanaman yang di perlukan dan telah sama sama mentransformasikan kawasan terbiar menjadi kebun atau pertanian bandar. Aktiviti penduduk juga telah bermula dengan mengadakan bengkel bahasa Inggeris iaitu 'Speak It' yang bertujuan untuk mengalakan kanak kanak di Flat Taman Dagang untuk yakin bertutur dalam bahasa Inggeris.

Komuniti Hab Flat Taman Dagang ini adalah program Urbanice Malaysia, iaitu pusat kecemerlangan kemampunan dan kesejateraan bandar di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Ia adalah merupakan Komuniti Hab kedua yang telah di bina oleh pihak Urbanice setelah projek pertama diadakan di PPR Beringin, Kepong yang turut dirasmikan oleh YB Menteri pada Oktober 2018 yang lalu.

Inisiatif yang dikendalikan oleh Urbanice Malaysia ini telah mendapat sokongan penuh daripada Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) yang telah sama sama menjalankan aktiviti di Flat Taman Dagang. Penaja utama Komuniti Hab ini adalah Titijaya Land Berhad yang telah menyediakan 'container' terpakai ini. Selain itu Komuniti Hab ini turut mendapat sokongan dan penajaan daripada Jabatan Pertanian Negeri Selangor untuk tanaman di Kebun Kita, Perpustakaan Negara Malaysia dan beberapa individu yang telah menderma buku buku di Ruang

Bacaan, Seido Solutions yang telah menyediakan Solar PV, Jotun Paints Malaysia yang telah menderma dan sama sama mengecat Laman Seni dan Poptani Asia yang telah menyumbang ide dan tenaga bagi mengajar komuniti untuk menyediakan kompos serta bercucuk tanam dan APUDG Sdn Bhd yang telah menyediakan rekabentuk Hab ini.

Komuniti Hab yang dibangunkan di Flat Taman Dagang dapat memastikan SDG11 '*Sustainable Cities and Communities*' dapat dicapai di peringkat komuniti dan petempatan manusia. Ia juga merupakan satu platform yang menggalakkan interaksi sosial yang sihat dan menjadi '*showcase project*' seiring dengan *New Urban Agenda* (Agenda Perbandaran Baharu) dan *Sustainable Development Goals* (Matlamat Pembangunan Mampan).

###

*Semua maklumat adalah tepat semasa kenyataan ini diedarkan. Sebarang perubahan akan dimaklumkan kepada pihak media.
Pertanyaan lanjut, sila hubungi:

Dr. Mohd Rizal Bin Osman
Director of Urban Innovation & Business Strategic
No. Tel : +6012 – 786 6508
E-mel : mrizal.urbanicemalaysia@gmail.com

Cik Amalia 'Izzati Binti Shariffuddin
Executive of Communications & Promotions
No. Tel : +6013 – 804 7445
E-mel : amalia.urbanicemalaysia@gmail.com